

PANDUAN MENGHADIRI MAJLIS KONVOKESYEN KE-29

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada semua graduan OUM yang berjaya menamatkan pengajian dan layak bergraduat di Majlis Konvokesyen ke-29 (MK29). Bagi meraikan kejayaan anda semua, sukacita dimaklumkan bahawa MK29 akan diadakan pada **3 - 7 Mei 2025 (Sabtu – Rabu) di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL)**.

Buku panduan ini mengandungi semua maklumat dan garis panduan bagi memudahkan semua Graduan serta ibu bapa/tetamu menghadiri MK29. Sila baca dengan teliti serta mengambil tindakan segera mengikut senarai semak yang telah disediakan di muka surat terakhir buku panduan ini.

MAKLUMAT- MAKLUMAT PENTING UNTUK GRADUAN

1. KELAYAKAN BERGRADUAT DAN MENYERTAI MK29

(a) Hanya kategori yang disenaraikan seperti di bawah layak bergraduat dan menyertai MK29:

Pelajar	Catatan
Ijazah PhD dan Kedoktoran	<ul style="list-style-type: none"> Telah menyempurnakan pengajian sehingga semester September 2024; dan Telah menghantar laporan pembetulan Viva sebelum atau pada 15 Disember 2024. (PGR09-2: POST VIVA CORRECTION REPORT BY STUDENT)
Sarjana	<ul style="list-style-type: none"> Telah menyempurnakan pengajian sehingga semester September 2024; dan Telah menghantar laporan projek/praktikum/latihan industri/internship sebelum atau pada 15 Disember 2024
Sarjana Muda dan Diploma	<ul style="list-style-type: none"> Telah menyempurnakan pengajian sehingga semester September 2024; dan Telah menghantar laporan projek/praktikum/latihan industri/intership sebelum atau pada 15 Disember 2024

- (b) Graduan wajib menyemak myAcademic Progress di <https://myoum.oum.edu.my/> bagi mengetahui status pengajian masing-masing sebelum membuat semakan kelayakan bergraduat.
- (c) Graduan wajib menyemak dan mengemaskini butiran peribadi melalui **myOUM>Student Profile>Biodata** bagi memastikan tiada kesalahan ejaan nama, nombor matrik, nombor kad pengenalan, jantina dan warganegara. Semua maklumat ini akan dicatat di dalam sijil Ijazah/Diploma serta transkrip akademik rasmi.
- (d) Sebarang pembetulan perlu dimaklumkan melalui emel kepada muhamadomar@oum.edu.my bersama salinan kad pengenalan atau passport untuk dikemaskini selewat-lewatnya pada **20 Februari 2025**. Pindaan selepas tarikh tersebut akan dikenakan bayaran.

2. SEMAKAN KELAYAKAN BERGRADUAT DAN PENGESAHAN KEHADIRAN

- (a) Semakan dan pengesahan kehadiran boleh dilakukan mengikut ketetapan berikut:

Tamat Pengajian	Tarikh semakan
Semester Mei 2024	Mulai 17 Februari 2025 (Isnin) jam 12.00 tgh secara berperingkat
Semester September 2024	Mulai 24 Mac 2025 (Isnin) jam 12.00 tgh secara berperingkat

- (b) Semua Graduan **wajib** mengesahkan kehadiran melalui pautan yang telah diberi dan mengisi semua maklumat yang diperlukan di dalam sistem pengesahan kehadiran. Kegagalan mengisi maklumat-maklumat tersebut akan menyebabkan pengesahan kehadiran tidak disimpan dan direkodkan.
- (c) Sistem pengesahan kehadiran akan menyimpan rekod secara automatik selepas semua maklumat diisi. Graduan boleh mencetak surat jemputan menghadiri MK29 selepas sidang ditentukan.
- (d) Graduan dilarang mewakilkan kepada mana-mana pihak untuk menghadiri dan menerima Ijazah/Diploma bagi pihak.
- (e) Peluang menyertai Majlis Konvokesyen hanya diberikan **sekali sahaja** dan sebarang permohonan penangguhan **tidak dibenarkan**.
- (f) Bagi graduan berstatus golongan kelainan upaya dan berkeperluan khas, sila isi borang di sini

3. JADUAL SESI/SIDANG MK29

- (a) Jadual sesi/sidang MK29 boleh disemak **mulai 24 Mac 2025 (Isnin) jam 2:00 petang** secara berperingkat di pautan semakan kelayakan bergraduat.
- (b) Semua Graduan perlu mematuhi jadual sesi/sidang yang telah ditetapkan. Permohonan pertukaran sidang adalah **tidak dibenarkan**.

4. YURAN KONVOKESYEN

- (a) Bayaran yuran konvokesyen perlu dijelaskan sebelum atau pada **28 April 2025**.
- (b) Semua Graduan yang hadir atau tidak hadir **wajib** membayar yuran mengikut kadar yang telah ditetapkan.
- (c) Sila pastikan nama telah tersenarai di dalam MK29 terlebih dahulu sebelum membuat apa-apa bayaran.
- (c) Graduan yang masih mempunyai tunggakan yuran pengajian atau tunggakan bayaran lain **tidak dibenarkan** untuk menyertai MK29 dan tidak boleh menuntut sijil Ijazah/Diploma serta Transkrip Akademik rasmi sehingga semua tunggakan diselesaikan.
- (d) Sekiranya terdapat lebihan di dalam akaun pelajar dan mencukupi untuk bayaran yuran konvokesyen, amaun tersebut akan didebitkan/ditolak selepas pengambilan pakaian akademik direkodkan. Lebihan bayaran (jika ada) akan dikembalikan dan permohonan perlu dilakukan dengan melengkapkan borang secara dalam talian, **eServices -> Finance -> Online Refund Form**.
- (e) Kadar yuran yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

HADIR	TIDAK HADIR
<ul style="list-style-type: none"> ● RM400.00 untuk semua kategori Graduan. Bayaran termasuk: <ul style="list-style-type: none"> (a) Yuran konvokesyen (b) Sewaan pakaian akademik (c) Skrol dan transkrip (d) Gambar pentas 	<ul style="list-style-type: none"> ● RM90.00 bagi tuntutan skrol melalui serahan tangan. ● RM100.00 bagi tuntutan skrol melalui pos.

(f) Kaedah bayaran yuran adalah seperti berikut:

Jom Pay	Perbankan Internet
<p>Biller Name: OPEN UNIVERSITY MALAYSIA</p> <p>Biller Code: 8854 Ref 1: nombor IC Pelajar Ref 2: ID Pelajar</p>	<ul style="list-style-type: none"> • MyOUM →myProfile → Financial →Online Payment; atau • FPX (Akaun Simpanan/Akaun semasa); atau • Kad Kredit (Visa/Mastercard)
<p>Nota</p> <ul style="list-style-type: none"> • Akaun pelajar akan dikemaskini dalam tempoh 48 jam (hari bekerja) selepas transaksi. • Resit bayaran boleh dimuat turun di myOUM →myProfile →Financial →Payment • Pembayaran di Pusat Pembelajaran adalah dilarang. 	

5. PENGAMBILAN PAKAIAN AKADEMIK, KAD PINTAR DAN PAS MASUK IBU BAPAA/TETAMU

5.1 Pengambilan Pakaian Akademik

- (a) Semua Graduan wajib mengambil pakaian akademik **sehari sebelum** sidang masing-masing dan mematuhi jadual pengambilan yang telah ditetapkan. Sebarang permohonan untuk mengambil sebelum tarikh tersebut adalah tidak dibenarkan.
- (b) Semua Graduan akan diberikan satu set lengkap pakaian akademik (jubah, selendang dan topi) mengikut kategori Diploma, Sarjana Muda, Sarjana atau Kedoktoran. **Sila pastikan set lengkap pakaian akademik yang diterima adalah mengikut kategori.**
- (c) Saiz adalah terhad, justeru mencuba serta menukar saiz adalah **tidak dibenarkan**. Graduan dinasihatkan menonton video cara-cara pemakaian pakaian akademik supaya kelihatan kemas. Video boleh dimuat turun di [sini](#)
- (d) Bagi pengambilan melalui wakil, sila isi borang di [sini](#)
- (e) Kaunter pengambilan pakaian akademik akan dibuka mulai jam **8.00 pagi – 5.00 petang** di **Bilik Perhentian & Redang, Aras 3 WTC Kuala Lumpur** mengikut jadual berikut:

Jadual Pengambilan Pakaian Akademik

GRADUAN	TARIKH PENGAMBILAN
GRADUAN SIDANG 1 & 2	2 Mei 2025 (Jumaat)
GRADUAN SIDANG 3 & 4	3 Mei 2025 (Sabtu)
GRADUAN SIDANG 5 & 6	4 Mei 2025 (Ahad)
GRADUAN SIDANG 7 & 8	5 Mei 2025 (Isnin)
GRADUAN SIDANG 9 &10	6 Mei 2025 (Selasa)

PERINGATAN

- *Dilarang membuat sebarang pengubahan (alteration) atas pakaian akademik.*
- *Dilarang menambah sebarang aksesori lain seperti kerongsang, pingat dan lain-lain pada pakaian akademik*
- *Demi menjaga imej Universiti, Graduan dinasihatkan untuk menggosok pakaian akademik sebelum menghadiri MK29.*
- *Sila gunakan suhu yang rendah ketika menggosok. Graduan perlu membayar ganti rugi sekiranya pakaian akademik rosak/terbakar.*

5.2 Kad Pintar

- (a) Setiap bakal Graduan akan diberikan satu keping kad pintar semasa sesi pengambilan pakaian akademik dan **wajib** dibawa semasa MK29.
- (b) Kad ini akan digunakan untuk panggilan nama Graduan dan paparan nama di skrin semasa penganugerahan Ijazah/Diploma.
- (c) Kegagalan membawa kad pintar semasa MK29 akan menyebabkan nama tidak akan disebut dan dipaparkan di skrin semasa Graduan naik ke pentas.
- (d) Kehilangan kad pintar akan dikenakan caj sebanyak RM50.00.

5.3 Pas Masuk Ibu Bapa/Tetamu

- (a) Pas masuk akan diedarkan semasa pengambilan pakaian akademik.
- (b) Setiap bakal Graduan akan diberikan dua (2) keping pas masuk untuk dua orang tetamu jemputan sahaja. Sebarang permohonan/pembelian kad tambahan adalah **dilarang**.
- (c) Pas masuk perlu dibawa semasa MK29 dan ibu bapa/tetamu yang tidak mempunyai pas tidak akan dibenarkan masuk ke dalam dewan.
- (d) Tiada gantian atas kehilangan atau kerosakan pas masuk.

5.4 Prosedur Pengambilan Pakaian Akademik, Kad Pintar dan Pas Masuk Ibu Bapa/Tetamu

- (a) Sila patuhi prosedur pengambilan pakaian akademik yang telah ditetapkan.
- (b) Hanya Graduan sahaja yang dibenarkan masuk untuk mengambil pakaian akademik.
- (c) Sila pastikan Graduan membawa kad pengenalan semasa sesi pengambilan pakaian akademik.



6. RAPTAI

- (a) **Tiada** sesi raptai untuk semua Graduan.
- (b) Graduan dinasihatkan untuk menonton video Majlis Konvokesyen yang lalu di [sini](#) untuk mengetahui cara menerima Ijazah/Diploma.
- (c) Sila patuhi arahan Petugas semasa berada di dalam dewan bagi memastikan kelancaran majlis.

7. SISTEM KAJIAN PENGESANAN GRADUAN (SKPG)

- (a) Kajian Pengesanan Graduan adalah soal selidik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) terhadap graduan IPT di Malaysia bagi mengetahui status pekerjaan terkini setiap Graduan. Ini bertujuan untuk membantu negara merancang pembangunan modal insan dan sosio ekonomi negara.
- (b) Semua Graduan sama ada hadir atau tidak hadir ke MK29 **wajib** mengisi borang tersebut secara dalam talian yang dijangka akan dibuka kepada graduan OUM mulai **21 April 2025**.
- (c) Graduan hendaklah mengisi semua tinjauan dari Bahagian A hingga Bahagian G dan simpan resit untuk tujuan rekod.
- (d) Sila klik pada pautan SKPG di muka depan laman web konvokesyen OUM untuk maklumat lanjut berkenaan perkara ini.

8. ALUMNI

8.1 Kemaskini Maklumat Alumni

- (a) Semua Graduan wajib mengemaskini maklumat peribadi dan status pekerjaan terkini melalui Sistem Alumni di [sini](#).
- (b) Bagi graduan yang hadir ke MK29, boleh menuntut cenderamata khas disepanjang MK29 berlangsung dengan mengemukakan cetakan slip kemaskini maklumat peribadi di **Kaunter Alumni, Aras 3, WTC** manakala Graduan yang tidak hadir boleh mengisi borang di [sini](#) untuk menuntut cenderamata.

8.2 Penamatan Akses kepada Emel Pelajar

- (a) Graduan dibenarkan untuk mengakses kepada akaun emel pelajar dalam tempoh satu bulan daripada tarikh Konvokesyen.
- (b) Semua Graduan perlu mengambil langkah perlu sebelum tempoh akses ini tamat.

9. PANDUAN DAN PROTOKOL SEMASA MENGHADIRI MK29

- (a) Graduan perlu berkumpul di **Anjung Merdeka, Aras 4, WTC Kuala Lumpur** dengan **memakai set lengkap pakaian akademik serta wajib membawa kad pintar** mengikut ketetapan berikut:

- Graduan sidang pagi – **mulai jam 7.30 pagi**
- Graduan sidang petang – **mulai jam 1.00 tengah hari**

- (b) Makanan dan minuman **dilarang** dibawa masuk ke dalam dewan. Graduan dinasihatkan untuk makan terlebih dahulu sebelum hadir ke Dewan Merdeka.
- (c) Dilarang membawa barang peribadi serta beg tangan ke dalam dewan. Graduan akan dibekalkan sebuah beg kecil untuk mengisi telefon bimbit dan kad pintar sahaja.
- (d) Pemakaian niqab dan pelitup muka (*face mask*) adalah atas pilihan Graduan dan dibenarkan semasa berada di dalam Dewan dan menerima Ijazah/Diploma di atas pentas.
- (e) Semua Graduan **wajib** mematuhi etika pemakaian yang telah ditetapkan seperti berikut:

Graduan Lelaki	Graduan Wanita
<p>Baju Formal</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kemeja lengan panjang bewarna putih/krim • Seluar bewarna gelap (hitam atau biru gelap) • Lounge suit (blazer) bewarna gelap • Bertali leher (warna bebas) <p style="text-align: center;">ATAU</p> <p>Baju Melayu sepasang</p> <ul style="list-style-type: none"> • Baju cekak musang bewarna hitam • Bersampin songket hitam benang emas (tanpa bengkung) • Tanpa songkok <p>Kasut</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kasut kulit bertutup warna gelap (hitam atau coklat gelap sahaja) 	<p>Baju Formal</p> <ul style="list-style-type: none"> • Baju kurung/kurung moden/kebaya labuh serta melepas paras lutut bewarna bebas dan kain tanpa belahan • Jenis kain yang tidak jarang (jenis lace, perlulining) • Kemeja lengan panjang warna bebas • Seluar panjang berwarna gelap • Skirt labuh sehingga buku lali tanpa belahan • Dress labuh sehingga buku lali tanpa belahan <p>Tudung</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tudung polos (tidak bercorak atau berbunga) berwarna bebas <p>Kasut</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kasut kulit bertutup penuh (<i>court shoe</i>) bewarna gelap dengan ketinggian tidak melebihi $1\frac{1}{2}$ inci • Lain-lain kasut yang menampakkan jari kaki adalah dilarang.

PERHATIAN

Petugas MK29 mempunyai kuasa untuk tidak membenarkan Graduan yang tidak mematuhi etika pemakaian menyertai MK29.

PANDUAN PAKAIAN

GRADUAN

DRESS CODE FOR GRADUATES

MAJLIS
KONVOKESYEN
DEWAN MERDEKA, WTC KUALA LUMPUR

OUM
OPEN UNIVERSITY MALAYSIA

GRADUAN LELAKI

MALE GRADUATES



PAKAIAN YANG DILARANG

PROHIBITED CLOTHING



SELUAR DENIM
JEANS



KEMEJA T BERKOLAR BULAT
ROUND-COLLAR T-SHIRT



SKIRT PENDEK
SHORT SKIRT



KASUT SUKAN / SELIPAR
SPORT SHOES / SLIPPERS

- (f) Majlis Konvokesyen adalah majlis rasmi dan berprotokol. Graduan **dilarang** membuat sebarang tanda yang kurang sopan semasa menerima Ijazah/Diploma di atas pentas.
- (g) Semua Graduan dan ibu bapa/tetamu **tidak dibenarkan** meninggalkan dewan sehingga majlis selesai.

(h) Atur cara majlis bagi sidang pagi dan petang adalah seperti berikut:

Masa	Aturcara
7.30 pagi / 1.00 petang	Ketibaan Graduan dan keluarga
8.30 pagi / 2.30 petang	Perarakan Graduan/Akademik/Pentas
	Perarakan Canselor/Pro-Canselor
	Nyanyian lagu Negaraku & Universiti untuk Semua
	Bacaan Doa
	Ucapan Alu-aluan oleh Presiden/Naib Canselor
	Ucapan Pembukaan Konvokesyen oleh Pro-Canselor
	Penganugerahan Ijazah/Diploma
12.00 tgh / 5.30 petang	Negaraku dan Penangguhan MK29
	Perarakan Keluar Dewan

10. PERKARA-PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN SELEPAS MK29

10.1 Pemulangan Pakaian Akademik & Tuntutan Skrol dan Transkrip Akademik Rasmi

- (a) Pakaian akademik wajib dikembalikan dalam keadaan yang baik dan lengkap.
- (b) Graduan boleh memulangkan pakaian akademik sejurus selepas sidang masing-masing atau mengikut jadual yang telah ditetapkan dan menuntut skrol dan transkrip akademik rasmi selepas pemulangan. Sila bawa kad pengenalan untuk tuntutan skrol dan transkrip akademik.
- (c) **Denda lewat** sebanyak **RM10** sehari (hari bekerja sahaja) akan dikenakan untuk pemulangan mulai **16 Mei 2025**.
- (d) Pemulangan melalui pos dan di Pusat Pembelajaran adalah **tidak dibenarkan**.
- (e) Bagi pemulangan melalui wakil, sila lengkapkan borang di [sini](#)
- (f) Sila patuhi tarikh dan lokasi pemulangan seperti berikut:

LOKASI: BILIK REDANG, ARAS 3 WTC KUALA LUMPUR

Tarikh	Masa	Catatan
3 Mei 2025 (Sabtu)	12.00 tgh – 6.00 ptg	Kaunter dibuka pada waktu rehat
4 Mei 2025 (Ahad)	8.30 pagi – 6.00 ptg	
5 Mei 2025 (Isnin)	8.30 pagi – 6.00 ptg	
6 Mei 2025 (Selasa)	8.30 pagi – 6.00 ptg	
7 Mei 2025 (Rabu)	8.30 pagi – 6.00 ptg	

LOKASI: ARAS BAWAH, MENARA OUM KELANA JAYA

Tarikh	Masa	Catatan
8 Mei 2025 (Khamis)	9.00 pagi – 4.00 ptg	Kaunter dibuka pada waktu rehat
9 Mei 2025 (Jumaat)	9.00 pagi – 4.00 ptg	
10 Mei 2025 (Sabtu)	9.00 pagi – 4.00 ptg	
11 Mei 2025 (Ahad)	9.00 pagi – 4.00 ptg	
12 Mei 2025 (Isnin)	TUTUP CUTI HARI WESAK	
13 Mei 2025 (Selasa)	9.00 pagi – 4.00 ptg	Kaunter dibuka pada waktu rehat
14 Mei 2025 (Rabu)	9.00 pagi – 4.00 ptg	
15 Mei 2025 (Khamis)	9.00 pagi – 4.00 ptg	

LOKASI: BAHAGIAN PENILAIAN PEPERIKSAAN, ARAS 9 MENARA OUM KELANA JAYA

Tarikh	Masa	Catatan
Mulai 16 Mei 2025 (Jumaat) Denda RM10/hari (tidak termasuk Sabtu, Ahad dan cuti am)	<u>Isnin – Khamis</u> 9.00 pagi – 4.00 ptg (rehat tutup: 1.00 tengahari – 2.00ptg) <u>Jumaat</u> 9.00 pagi – 12.00tgh	<u>Pembayaran Denda</u> Bahagian Kewangan, Aras 11 Menara OUM <u>Pemulangan Pakaian Akademik</u> Aras 9, Menara OUM <u>Tuntutan Skrol dan Transkrip</u> Bahagian Penilaian Peperiksaan, Aras 9 Menara OUM

10.2 Tuntutan Skrol dan Transkrip Akademik Rasmi bagi Graduan yang Tidak Hadir MK29

- (a) Tuntutan boleh dilakukan secara serahan tangan atau secara kiriman pos.
- (b) Tuntutan di Pusat Pembelajaran adalah tidak dibenarkan.
- (c) Bagi tuntutan melalui wakil, sila lengkapkan borang di [sini](#)
- (d) Sila patuhi jadual tuntutan yang telah ditetapkan seperti berikut:

Perkara	Bayaran	Tarikh/Masa	Tempat
Tuntutan secara serahan tangan	RM90.00	9 – 15 Mei 2025 (Jumaat – Khamis) *Termasuk Sabtu & Ahad *12 Mei 2025 Kaunter tutup cuti hari Wesak 9.00 pagi – 4.00 ptg	Aras Bawah, Menara OUM Kelana Jaya
		Mulai 16 Mei 2025 Isnin – Khamis 9.00 pagi – 4.00 ptg Jumaat 9.00 pagi – 12:00 tengahari REHAT 1.00 – 2.00 ptg *Kaunter ditutup pada hari Sabtu, Ahad dan cuti am.	Bahagian Penilaian, Aras 9 Menara OUM
Tuntutan melalui pos laju	RM100.00	<ul style="list-style-type: none"> Sila emel permohonan kepada haslita_atan@oum.edu.my beserta salinan kad pengenalan dan slip bayaran. Bayaran yang dikenakan hanya untuk penghantaran domestik sahaja (termasuk sabah dan Sarawak). 	

		<ul style="list-style-type: none"> ● Bagi penghantaran ke luar negara, bayaran mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh syarikat kurier. ● Sila kemaskini alamat penghantaran di dalam sistem pengesahan kehadiran. ● Pengeposan akan dilakukan secara berperingkat mulai 1 Julai 2025.
--	--	--

10.3 Jurugambar Rasmi & Tuntutan Gambar Pentas

- (a) Syarikat Fotorex Sdn Bhd telah dilantik sebagai Jurugambar rasmi MK29 dan akan menyediakan gambar pentas bagi semua Graduan.
- (b) Graduan akan mendapat tiga keping gambar standard berukuran 5R, 8R dan 11R secara percuma.
- (c) Syarikat Fotorex juga turut menjual sekeping gambar bersaiz 11R (kertas bertekstur beserta nama Graduan) dengan harga RM40.00 sekeping.
Pembelian atas pilihan Graduan (optional).
- (d) Sila pastikan Graduan menyimpan **slip gambar** yang akan diedarkan selepas Graduan turun daripada pentas semasa menerima Ijazah/Diploma untuk menuntut gambar pentas.
- (e) Tuntutan gambar pentas boleh dilakukan melalui:
 - **Serahan tangan** di Aras 3, WTC Kuala Lumpur dalam masa 24 jam selepas sidang Graduan.
 - **Kiriman pos** – setiap permohonan kiriman melalui pos akan dikenakan bayaran pos. Sila ikut arahan yang tertera di slip gambar.
- (f) Syarikat Fotorex juga akan membuka Studio gambar bersama ahli keluarga di Aras 5, WTC Kuala Lumpur. Graduan boleh menempah slot semasa hari pengambilan pakaian akademik.

PERHATIAN

OUM tidak bertanggungjawab atas gambar-gambar studio yang tidak diterima sekiranya Graduan membuat tempahan selain daripada Syarikat Fotorex Sdn Bhd.

MAKLUMAT-MAKLUMAT PENTING UNTUK IBU BAPA/TETAMU

1. Pas Masuk Ibu Bapa/Tetamu

- (a) Setiap Graduan akan mendapat dua keping pas masuk ibu bapa/tetamu yang akan diedarkan semasa hari pengambilan pakaian akademik.
- (b) Pas yang hilang tidak akan diganti. Sebarang permohonan dan pembelian kad tambahan adalah **dilarang**.
- (c) Kanak-kanak **di bawah umur 12 tahun tidak dibenarkan** masuk ke dalam dewan.
- (d) Penggunaan pas masuk hanya sekali sahaja dan tidak boleh ditukar dengan tetamu/ahli keluarga yang lain.

2. Pintu Masuk Ibu bapa/Tetamu

- (a) Pintu masuk akan dibuka mulai jam **7.45 pagi (sidang pagi)** dan **1.45 petang (sidang petang)** di dua lokasi seperti berikut:
 - Pintu A & C, Aras 4 Dewan Merdeka; dan
 - Pintu D, E & F di Aras 5, Dewan Merdeka
- (b) Ibu bapa/tetamu dinasihatkan untuk makan terlebih dahulu sebelum hadir ke Dewan Merdeka. Gerai jualan makanan disediakan di **Legar Putra, Aras 2 WTC Kuala Lumpur**.
- (c) Skrin layar turut disediakan di **Legar Putra, Aras 2** untuk ibu bapa/tetamu yang menunggu di luar Dewan.

3. Ibu bapa/Tetamu Warga Emas yang Berkerusi Roda

- (a) Pintu masuk bagi Ibu bapa/tetamu warga emas yang berkerusi roda adalah di **Pintu VIP, Aras 4**.
- (b) Tempat duduk adalah terhad, hanya seorang pengiring sahaja dibenarkan duduk bersama ibu bapa/tetamu warga emas yang berkerusi roda.
- (c) Keadaan suhu di dalam dewan agak sejuk, Ibu bapa/tetamu dinasihatkan untuk memakai baju yang agak tebal.

4. Etika Pemakaian bagi Ibu bapa/Tetamu

Lelaki	Wanita
<u>Baju Formal/Kebangsaan</u> <ul style="list-style-type: none"> • Lounge Suit • Baju Melayu Sepasang (bersampin) <u>Baju Smart Casual</u> <ul style="list-style-type: none"> • Baju Kemeja Batik Lengan Pendek/Panjang dan berseluar gelap. • Baju Kemeja Lengan Panjang (warna bebas) dan berseluar gelap. <u>Kasut</u> <ul style="list-style-type: none"> • Kasut bertutup penuh 	<u>Baju Formal/Kebangsaan</u> <ul style="list-style-type: none"> • Baju kurung/kurung moden/kebaya yang labuh dan kain tanpa belahan. • Saree tanpa menampakkan bahagian perut. <u>Baju Smart Casual</u> <ul style="list-style-type: none"> • Kemeja lengan panjang. • Seluar panjang sehingga buku lali. • Skirt labuh sehingga buku lali tanpa belahan. • Dress labuh sehingga buku lali tanpa belahan. <u>Kasut</u> <ul style="list-style-type: none"> • Kasut bertutup penuh

PANDUAN PAKAIAN
IBU BAPA / TETAMU GRADUAN
DRESS CODE FOR PARENTS/GUESTS

TETAMU LELAKI
MALE GUESTS



TETAMU WANITA
FEMALE GUESTS



PAKAIAN YANG DILARANG
PROHIBITED CLOTHING

 SELUAR DENIM / JEANS	 BAJU BERGAMBAR / IMEJ TIDAK SESUAI / PRINTED SHIRT / INAPPROPRIATE IMAGE	 KEMEJA T BERKOLAR BULAT / ROUND-COLLAR T SHIRT	 BAJU TIDAK BERLENGAN / SINGLET / SLEEVELESS SHIRT / SINGLET	 SKIRT PENDEK / SHORT SKIRT	 SELUAR PENDEK / SHORTS	 KASUT SUKAN / SELIPAR / SPORT SHOES / SLIPPERS
--	--	--	---	---	--	--

SEMAKAN KELAYAKAN BERGRADUAT DI SINI



SENARAI SEMAK GRADUAN – APA PERLU ANDA LAKUKAN?

No	Perkara	Tindakan n (✓)
SEBELUM MK29		
1.	Semak kelayakan bergraduat	
2.	Jelaskan yuran konvokesyen dan yuran tertunggak	
3.	Semak jadual pengambilan pakaian akademik	
4.	Semak semua maklumat di dalam Panduan Konvokesyen	
SEMASA MK29		
1.	Hadir ke MK29 mengikut sesi/sidang yang telah ditetapkan	
2.	Pastikan membawa set lengkap pakaian akademik dan kad pintar	
3.	Berkumpul di lokasi yang telah ditetapkan	
4.	Patuhi arahan Petugas MK29	
SELEPAS MK29		
1.	Pulangkan pakaian akademik dalam keadaan baik dan lengkap	
2.	Tuntut skrol dan transkrip akademik rasmi	
3.	Tuntut gambar pentas	

**Sekretariat Majlis Konvokesyen
Pejabat Pendaftar
Open University Malaysia**

Portal MK29: <https://convocation.oum.edu.my/>
Hubungi Kami: secretariat_convo@oum.edu.my